



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Khamis, 20 Oktober 2022	
1	Beratur panjang sejak jam 9 pagi beli telur
2	93,000 telur licin dalam tiga jam -‘Satu Terengganu serbu kedai saya’
3	Penduduk resah operasi ladang ayam bakal jejas kesihatan
4	Kandungan dedak dipertikai -isu ayam : kita seba –serbi lambat
5	Pekerja sedih lebih 1,500 telur pecah
6	Jangan jadikan Kampung Tanjung Sepat ‘ tong sampah ‘
7	Buy only what you need, consumers urged
8	Tracking the real cause of the chicken and eggs problem

DISEDIAKAN OLEH :
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Beratur panjang sejak jam 9 pagi beli telur

Penjual had pembelian selepas pembekal kurangkan bekalan

Oleh Baharom Bakar, Ahmad Hasbi dan Siti Aminah Mohd Yusof
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pengguna di beberapa negeri mengeluh kerana bekalan telur berkurangan sejak dua minggu lalu sehingga terpaksa mereka terpaksa beratur panjang untuk membeli dalam jumlah terhad.

Pengguna di Negeri Sembilan, Terengganu dan Pulau Pinang yang ditemui berkata, penjual menghadkan pembelian atas alasan pembekal mengurangkan bekalan kepada mereka antara 30 peratus hingga 50 peratus.

Seorang peniaga di Georgetown berkata, pembekal lazimnya menghantar 300 hingga 1,000 papan telur setiap hari sebelum ini, namun jumlah itu merosot hingga 50 peratus menyebabkan peniaga terpaksa mengambil sendiri bekalan di Jawi dan Nibong Tebal untuk menampung kekurangan.

Namun, pengguna ditemui bersyukur kerana walaupun bekalan telur berkurangan dengan ketara, harga bahan makanan itu masih stabil dan tidak melebihi harga maksimum ditetapkan.

Pemborong patuhi harga

Pemborong didapati masih mematuhi harga siling ditetapkan iaitu 45 sen sebijil untuk telur gred A, 43 sen untuk gred B dan gred 41 sen untuk gred C.

Tinjauan di beberapa pasar raya dan kedai runcit di sekitar Seremban mendapati rak telur kosong dan hanya ada beberapa paket telur ayam kampung.

Suri rumah, Syuhadah Majid

berkata, sudah dua kali dia ke pasar raya, namun kecewa dan terpaksa mencari di beberapa kedai runcit lain.

"Sejak minggu lalu sudah dua kali saya terpaksa membeli telur ayam kampung kerana tiada pilihan. Harganya sedikit mahal berbanding telur ayam biasa," katanya.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan, Muhammad Zahir Mazlan, berkata situasi itu berpunca daripada permintaan tinggi di pasaran ketika ini menjelang musim perayaan.

"Semakan di dua ladang telur ayam di negeri ini mendapati pengeluaran pada peringkat ladang tidak berlaku pengurangan bekalan telur ayam," katanya sambil menambah pengguna dinasihatkan tidak membuat pembelian panik, lebih daripada keperluan.

Tinjauan di Pasar Cabang Tiga, Kuala Terengganu pula menda-



Orang ramai beratur untuk membeli telur ayam di Pasar Cabang Tiga, Kuala Terengganu, semalam.
(Foto Baharom Bakar/BH)

pati orang ramai beratur panjang sejak jam 9 pagi untuk membeli telur daripada pemborong.

Sebanyak 5,000 telur pelbagai gred yang dijual pemborong berkenaan habis dalam tempoh tiga jam kemudian. Walaupun ada insiden pengguna bertikam lidah dengan pemborong, keadaan adalah terkawal dan majoriti pengguna terpaksa berpuas hati dengan had pembelian maksimum 150 biji seorang.

Pengarah KPDNHEP negeri, Saharuddin Mohd Kia, meng-

esahkan berlaku kekurangan bekalan telur sebanyak lima juta biji atau 40 peratus di negeri itu. 13 pemborong hanya memperoleh antara tujuh hingga lapan juta sebulan berbanding 13 juta sebelum krisis bekalan berlaku.

Seorang peniaga telur di Kompleks Pasar Awam Bayan Baru, Georgetown pula berkata, kelmarin bekalan telur habis dijual pada jam 10 pagi kerana permintaan tinggi mungkin disebabkan Deepavali.

93,000 telur licin dalam tiga jam

100 pelanggan beratur depan kedai seawal pukul 7 pagi



SEBAHAGIAN pelanggan yang beratur untuk mendapatkan bekalan telur ayam di sebuah kedai di Bandar Chukai, Kemaman semalam.

KRISIS bekalan telur ayam yang berlaku di seluruh negara ketika ini menyaksikan barang bersubsidi itu menjadi buruan orang ramai sehingga ada yang sanggup beratur panjang seawal pukul 7 pagi.

Situasi itu bagaimanapun memberi 'tuah' kepada seorang pemborong di Bandar Chukai, Kemaman apabila 93,000 biji telur ayam pelbagai gred yang dijual di kedainya habis dibeli pelanggan hanya dalam tempoh

tiga jam semalam.

"Biasanya, bekalan telur ayam sebanyak ini akan habis dalam tempoh tiga hari," kata Alfian Ibrahim, 53.

» LAPORAN PENUH DI MUKA 2

93,000 biji telur ayam habis terjual hanya dalam tempoh tiga jam

'Satu Terengganu serbu kedai saya'

Oleh NIK NUR IZZATUL HAZWANI
NIK ADNAN

KEMAMAN – Sebuah premis pemborong telur ayam di Bandar Chukai di sini bagaikan berpesta apabila diserbu orang ramai yang masing-masing ingin mendapatkan bekalan bahan mentah itu pagi semalam.

Lebih menarik lagi, kebanyakan pengunjung yang datang ke kedai berkenaan termasuk dari Kuala Terengganu dan Dungun sanggup beratur panjang seawal pukul 7 pagi.

Pemilik kedai, Alfian Ibrahim, 53, berkata, kehadiran luar biasa pelanggan ke premisnya menyebabkan kesemua 93,000 biji telur ayam yang disediakan habis terjual hanya dalam tempoh tiga jam.

Menurut Alfian, dia baru sahaja menerima bekalan telur itu seawal subuh, namun terkejut apabila melihat lebih 100 pelanggan telah beratur walaupun kedainya hanya dibuka pada pukul 7.30 pagi.

"Kami tak sangka pelanggan seramai ini akan datang ke kedai kami. Mereka datang dari pelbagai daerah dan sanggup beratur panjang untuk mendapatkan bekalan telur ayam."

"Tidak sampai tiga jam, ke-



ALFIAN menunjukkan bekas-bekas telur yang telah kosong selepas kesemua 93,000 biji telur di kedainya habis dijual.

semua 93,000 biji telur atau, bersamaan 3,100 papan telur habis dijual. Kebiasaannya, bekalan sebanyak ini memerlukan sekurang-kurangnya tiga hari untuk dihabiskan," katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Alfian berkata, berikutan permintaan tinggi tersebut, beliau terpaksa menghadkan pembelian kepada hanya dua dan lima papan telur ayam masing-masing kepada pelanggan biasa dan golongan peniaga.

Tambah beliau, pelanggan

yang menyerbu kedainya bukan sahaja dari daerah ini, malah dari beberapa daerah termasuk Kuala Terengganu dan Kuantan, Pahang.

"Saya faham tindakan pelanggan terutama peniaga datang ke kedai saya memandangkan isu kekurangan bekalan telur yang berlaku sejak kebelakangan ini."

"Mereka memang perlukan bekalan untuk keperluan perniagaan dan keluarga," jelasnya yang menjual telur pada harga bermula RM12 hingga RM13.50



SEBAHAGIAN pelanggan yang datang untuk membeli bekalan telur ayam di sebuah kedai di Bandar Chukai, Kemaman semalam.

mengikut gred.

Jelasnya lagi, masalah kekurangan bekalan telur ayam ini sebenarnya turut menjejaskan perniagaannya sebelum ini.

"Sebelum ini, saya terima bekalan 6,000 papan bagi setiap penghantaran, tetapi kini sudah merosot lebih 50 peratus."

"Situasi itu menyebabkan kedai saya hanya boleh beroperasi sekali dalam seminggu iaitu pada hari Rabu," katanya.

Tambah Alfian, dia kini masih pening untuk mencari alternatif

lain bagi mendapatkan bekalan termasuk untuk membayar gaji enam pekerjanya.

Sementara itu, peniaga kuih tradisional, Zaleha Ismail, 45, memberitahu, dia bertolak dari Dungun seawal pukul 7 pagi untuk membeli telur di premis pemborong Alfian.

"Saya berniaga kuih tradisional dan memang perlukan telur ayam yang banyak. Sebelum ini, saya sudah mencari merata-rata dari Dungun sampai ke Paka serta Kerteh," katanya.

TARIKH

20.10.2022

MEDIA

KOSMO

RUANGAN

NEGARA

MUKA SURAT

18

Penduduk resah operasi ladang ayam bakal jejas kesihatan

KUALA LANGAT – Penduduk Kampung Tanjung Sepat Darat di sini bimbang kesihatan mereka akan terjejas ekoran berlaku pencemaran bau dan pembiakan lalat yang didakwa berpunca daripada projek mega penternakan ayam di situ.

Selain itu, penduduk juga mendakwa kawasan perparitan di situ juga tercemar susulan jarak tapak projek dengan kawasan perumahan hanya satu kilometer.

Wakil penduduk, Farouk Amron, 74, berkata, mereka bimbang beberapa penyakit akan

muncul sekiranya pengendalian dan operasi kilang itu tidak dijalankan dengan baik.

"Ada 1,000 lot tanah penempatan baharu yang dibina pada jarak 100 meter dari tapak projek itu. Hidup kami tak damai dan tenang bila memikirkan risiko pencemaran."

"Kami membantah projek itu yang lebih membawa masalah kepada penduduk kampung," katanya ketika ditemui selepas melakukan demonstrasi aman bersama 70 penduduk semalam.

Seorang lagi penduduk, Norhazanah Ahmad, 59,

memberitahu, kawasan penternakan ayam itu turut mengganggu proses pembelajaran pelajar Sekolah Rendah Kebangsaan Kampung Tanjung Sepat, Sekolah Rendah Agama Kampung Tanjung Sepat dan maa-had tahfiz yang dalam proses pembinaan.

"Kenapa tidak dibuat penyelidikan dahulu sebelum membina atau melaksanakan projek mega itu di sini. Saya memang sedih dan risau apabila penempatan ini akan menjadi lokasi tercemar dan pembiakan lalat," ujarnya.



Kandungan dedak dipertikai

Tiada kualiti, bantut tumbesaran ayam, jejas kesihatan manusia

Oleh FAHMI FAIZ
utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Syarikat gergasi pengeluar makanan ayam negara ini didakwa membekalkan dedak tidak berkualiti kepada penternak kontrak yang kandungannya dipercayai boleh menjejaskan kesihatan.

Kandungan dedak itu bertujuan membantutkan tumbesaran ternakan untuk menjimatkan kos pengeluaran tetapi boleh memberi kesan negatif kepada manusia.

Sumber industri berkata, perkara itu didedahkan selepas penyelidikan dari sebuah persatuan penternak ayam kontrak, hasil uji kaji terhadap kandungan dedak berkenaan.

Sumber itu mendakwa, daripada penyelidikan tersebut didapatkan, terdapat beberapa bahan dalam dedak tersebut berpotensi memberi kesan kepada

kesihatan pengguna termasuk kemungkinan kanser.

"Pengeluar dedak ayam di negara ini tidak dipantau, tiada akta yang mengawal pengeluaran. Jadi, suka hati kartel mahu letak apa saja ramuan dalam dedak ayam."

"Terbaharu, ada kajian daripada penyelidik mewakili sebuah persatuan penternak ayam menunjukkan kadar toksik dalam dedak itu yang lama-kelamaan boleh menyebabkan kanser kepada orang yang makan ayam."

"Saya ingat perkara ini, sebab ia ada dibangkitkan dalam satu mesyuarat bersama persatuan tersebut," kata sumber di sini, semalam.

Utusan Malaysia tidak membuat sebarang uji kaji terhadap sampel dedak tersebut.

Bersambung di muka 2

Isu ayam: Kita serba-serbi lambat

PADA bulan Mei lalu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memaklumkan, isu kekurangan bekalan ayam akan dapat diselesaikan pada Jun. Pengumuman itu tentunya melegakan rakyat.

Hari ini, empat bulan dari tarikh pengumuman itu, isu ayam timbul lagi. Lebih teruk, telur ayam pun jadi masalah.

Menurut satu laporan, kekurangan bekalan ayam sebenarnya sudah bermula sejak Oktober 2021, bermakna sudah hampir setahun masalah ini timbul tetapi masih tidak mampu diselesaikan sepenuhnya. Di mana silapnya?

Antara yang dikenal pasti ialah industri itu dikuasai oleh sekelompok pengusaha gergasi aka kartel yang menentukan semua perkara - daripada anak ayam hingga ke pemasaran.

Apa pula langkah kerajaan? Antara langkah yang diambil ialah memberikan subsidi demi memastikan harga tidak naik, melarang eksport dan dalam masa yang sama membenarkan import.

Pada mulanya, ia nampak berjaya tetapi kini terbukti ia tidak berpanjangan dan bukanlah penyelesaian terbaik. Ternyata, kartel bijak memanipulasi keadaan. Apabila eksport disekat, mereka lambatkan bekalan sehingga terlihat isu kekurangan bekalan sudah selesai. Dalam masa yang sama, subsidi tetap dikaut.

Memandangkan bekalan sudah pulih, pada 11 Oktober lalu, kerajaan benarkan semula eksport dan seminggu kemudian bekalan domestik kembali jadi masalah. Rakyat kembali mengeluh, apatah lagi telur ayam pun kini sukar diperolehi.

Alasan kartel, ayam lambat membesar disebabkan makanan yang kurang berkualiti dan dikurangkan jumlahnya sebab mahal. Cuaca panas yang mengakibatkan ayam kurang selera makan dan minum banyak air juga jadi alasan.

Namun, bagi mereka yang di luar kartel ini dan juga pegawai yang terlibat secara langsung dengan mereka, sedar akan permainan ini tetapi tidak banyak yang boleh dilakukan kerana mereka sangat 'berkuasa'.

Sebenarnya, kerajaan boleh dikatakan lambat bertindak dan tidak cukup tegas dalam isu ayam ini. Semasa isu ini hangat diperkatakan pada Mei lalu, barulah ada agensi yang mahu masuk ke dalam industri secara besar-besaran. Kita juga baru terhegeh-hegeh nak tanam jagung untuk makanan ternakan. Universiti kita ada banyak penyelidikan tentang makanan ternakan tetapi tidak dikomersialkan. Kita seperti baru hendak bermula.

Tetapi kata orang *better late than never*. Kita harap apabila menteri jaga pertanian dan menteri yang jaga hal ehwal pengguna yang baharu dilantik, mereka akan melihat isu ayam ini sebagai keutamaan mereka dan berazam tamatkan kemelut ini selamanya.

Banyak cadangan sudah dilontarkan, antaranya wujudkan lembaga unggas dan yang terkini, wujudkan stok penimbun makanan ternakan.

Faktanya ialah rakyat Malaysia makan 47.4 kilogram daging ayam dan 20.7 kilogram telur ayam dan itik setiap orang pada 2020, yang tertinggi berbanding daging yang lain dan kita menghasilkan 98.2 peratus daripada keperluan domestik itu.

Angka itu menunjukkan betapa besarnya kebergantungan rakyat kepada ayam dan betapa besarnya industri ini. Sementara menunggu Pilihan Raya Umum Ke-15 diadakan dan barisan Kabinet baharu dibentuk, bertabahlah...

Ismail Daud ialah Pengarang Berita Utusan Malaysia

Dari muka 1

Malaysia merupakan antara negara pengguna daging ayam tertinggi di dunia dengan penggunaan per kapita tahunan 46.8 kilogram (kg) dan dijangka mencapai 50kg menjelang 2025.

September lalu, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mendedahkan kewujudan lima syarikat pengeluar makanan ayam yang dinamakan dalam keputusan cadangan mereka, sebagai membentuk kartel.

Dalam kenyataan itu, MYCC mengesan lima syarikat terbabit melalui dapatan awal yang tertera pada keputusan cadangan MyCC, melanggar Seksyen 4 Akta Persaingan 2010 dengan menaikkan kuantum harga makanan ternakan itu di negara ini.

Menjelaskan lanjut, sumber berkata, kerajaan harus serius menangani isu dihadapi penternak ayam kontrak, yang sering ditindas kartel dan integrator dalam industri ayam.

Katanya, seluruh rantai industri ayam dikawal oleh lima syarikat pengimport induk ayam (*grand parent stock*), lima pengeluar makanan, beberapa pengimport bahan mentah jagung dan soya serta kira-kira 30 pembekal anak ayam.

Dalam masa sama, katanya, daripada 30 pembekal anak ayam, kira-kira 20 merupakan integrator atau penternak ayam bersepadu, yang mempunyai segala fasiliti daripada menetapkan telur sehingga kepada mempunyai kilang sembelihan sendiri.

"Menyedari hal ini, selu-



ADA syarikat pengeluar makanan ayam didakwa membekalkan dedak mengandungi unsur mengakibatkan kanser kepada 'pemakan ayam'. - GAMBAR HIASAN

ruh sistem pengeluaran ayam, terutama di peringkat huluan (*upstream*) dikawal oleh pihak swasta yang berkuasa mutlak. Mereka inilah yang membekalkan anak ayam DOC serta makanan ayam kepada penternak kontrak.

"Maka kami mendesak kerajaan agar menubuhkan segera Lembaga Unggas Negara bagi menyelia sektor ini. Jika tidak, maka selama-lamanya kerajaan akan ditekan oleh gergasi industri, dan rakyat pula berisiko mendapat penyakit kanser kerana mengambil ayam dalam diet seharian," kata sumber.

Sementara itu, satu sumber yang terlibat menjalankan kajian terhadap isi kandungan makanan ayam memberitahu, punca makanan ayam mendorong kanser kerana kandu-

ngan sisa jagung dan soya kitar semula yang digunakan sebagai ramuan makanan ternakan itu.

"Sekarang, harga soya dan jagung bijirin mencanak naik hampir sekali ganda. Jadi, pengilang makanan ayam terpaksa kurangkan kos. Caranya, mereka menggunakan hampas jagung dan soya kitar semula saja."

"Seperti semua sedia maklum, bahan makanan kitar semula ini, misalnya minyak masak, memang mendedahkan manusia kepada pelbagai masalah kesihatan terutama kanser."

"Jadi, makanan ayam sekarang dibuat menggunakan hampas bijirin kitar semula. Ia dimakan oleh ayam. Kemudian, kita pula makan ayam itu. Boleh fikir apa kesannya," soalnya.



LOKASI lebih 1,500 biji telur pecah di sebuah pasar raya di Johor Bahru, semalam setelah dibersihkan.

Pekerja sedih lebih 1,500 telur pecah

Oleh KHAIRUL MOHD ALI
utusannews@mediamulla.com.my

JOHOR BAHRU: Pekerja yang bertanggungjawab menyebabkan lebih 1,500 telur ayam pecah di sebuah pasar raya di Tampoi di sini berasa sedih dan bersalah di atas kejadian berkenaan kerana menyedari betapa pentingnya barangan itu.

Seorang saksi kejadian, iaitu Mohamad Romli Naim, 26, memberitahu, kejadian itu berlaku kira-kira pukul 10 pagi, semalam.

Menurutnya, pekerja tersebut bertanggungjawab menghantar bekalan telur ayam yang baru tiba dari lori ke kedai menjual telur di pasar raya tersebut.

"Ketika itu, dianggarkan lebih 50 pembeli sedang beratur untuk membeli telur sehingga menutup laluan, terus menyebabkan pekerja tersebut perlu mengikut laluan lain.

"Ketika memusingkan palet berisi 100 papan telur itu, dia hilang keseimbangan lalu bekalan telur berkenaan terjatuh dan banyak yang pecah. Kami yang berada di sini ramai cepat-cepat membantu untuk mengutip kembali telur-telur yang masih elok.

"Apabila dikutip, hanya tinggal 48 papan telur yang tidak pecah, manakala 52 papan telur yang lain pecah. Jadi, anggaran yang pecah dalam kejadian itu adalah sebanyak 1,500 biji," katanya yang menjual putu bambu berhampiran tempat kejadian.

Tambah Mohamad Romli, pekerja itu dapat dilihat berasa amat sedih dengan kejadian yang berlaku kerana dia hanya terduduk diam dalam beberapa minit selepas perkara itu berlaku.

"Apabila dia dihulurkan air untuk minum bagi menenang-

kan diri, dia hanya menolaknya. Pastinya dia sedih dan rasa bersalah atas perkara itu kerana ia berlaku pada ketika bekalan telur kurang di pasaran," ujarnya lanjut.

Sementara itu, seorang lagi peniaga, Rahmat Hidayat Zainal, 31, pula memberitahu, kedai berkenaan menerima bekalan pada sebelah pagi dan menghadkan hanya dua papan bagi seorang pembeli.

"Akibat kejadian itu, mereka yang beratur di bahagian belakang tidak dapat membeli telur kerana bekalan berkurangan lebih daripada separuh.

"Selepas kesemua telur yang masih elok dibersihkan, ia dijual semula kepada mereka yang sudah beratur, mujur, alhamdulillah, hampir kesemua dapat membeli telur, cuma ada beberapa orang yang tidak dapat kerana kehabisan stok.

93,000 telur habis dalam tiga jam

KEMAMAN: Sebanyak 93,000 biji telur ayam pelbagai gred habis dijual dalam tempoh kurang tiga jam di sebuah kedai pemborong telur, di bandar Chukai, di sini, hari ini.

Pemilik kedai telur, Alfian Ibrahim, 53, berkata, premis kedainya mula diserbu pembeli seawal pukul 7 pagi sebaik sahaja pekerjaanya membuka kedai.

"Saya baru sahaja dapat bekalan telur awal subuh, pagi ini. Sebaik sahaja kedai dibuka, lebih 100 orang pembeli menyerbu kedai saya setiap masa.

"Dalam masa tak sampai tiga jam, 3,100 papan telur dengan lebih 90,000 biji habis terjual. Biasanya, jumlah yang sama saya dapat jual untuk tiga hari, tetapi berikutan kekurangan bekalan, kedai saya diserbu dan semuanya licin dijual," katanya ketika ditemui di kedainya, di sini, hari ini.

Alfian berkata, dia terpaksa mengehendkan pembelian dua hingga lima papan seorang bagi pembeli dan peniaga makanan bagi membolehkan setiap individu yang berkunjung ke premisnya mendapat bekalan telur.

"Pelanggan yang datang membeli bukan sahaja dari daerah Kemaman, malah ada beberapa pengusaha kuih dan peniaga kedai makan yang

sanggup memandu lebih 60 kilometer dari Kuala Terengganu dan Kuantan, Pahang untuk beli telur," katanya yang menjual telur mengikut harga subsidi yang ditetapkan kerajaan.

Menurut Alfian, kekurangan bekalan telur bukan sahaja menjejaskan pengguna, malah turut memberi kesan kepada perniagaannya.

"Sebelum ini, saya dapat bekalan hingga 6,000 papan telur untuk sekali penghantaran dari ladang, namun sekarang ini hanya dapat separuh sahaja untuk sekali penghantaran.

"Sebelum ini, kedai saya dibuka enam hari seminggu, namun, bila bekalan telur berkurangan, saya hanya dapat berniaga sehari seminggu iaitu pada hari Rabu," katanya yang turut mencari alternatif lain untuk membayar gaji enam pekerjaanya.

Sementara itu, peniaga kuih tradisional, Zaleha Ismail, 45, berkata, dia bertolak dari Dungun, seawal pukul 7 pagi untuk membeli telur di premis tersebut.

"Saya berniaga kuih tradisional seperti penganan dan akok, memang memerlukan telur yang banyak. Saya dah cari telur merata-rata dari Dungun ke Paka, Kerteh dan Kemaman untuk dapatkan bekalan telur," katanya.



ORANG ramai beratur untuk membeli telur ayam di sebuah kedai di bandar Chukai, Kemaman, Terengganu, semalam. - UTUSAN/NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN

Peniaga sukar dapatkan bekalan telur

GEORGE TOWN: Selepas stabil dalam tempoh beberapa bulan, masalah kekurangan bekalan telur ayam kembali melanda Pulau Pinang.

Rata-rata peniaga telur ayam di pasar awam di daerah Timur Laut mendakwa mereka semakin sukar mendapatkan bekalan telur daripada pembekal sejak awal bulan ini.

Seorang peniaga telur ayam di pasar awam, Goh Lye Kim, 55, berkata, sejak awal bulan lalu, dia sukar mendapatkan beka-

lan telur yang dipesan daripada pembekal terutama telur gred A.

"Selalunya setiap hari saya akan pesan 50 papan telur bagi setiap gred, tetapi sejak awal bulan lalu, pembekal hanya dapat bekalkan antara 20 atau 30 papan sahaja bagi setiap gred."

"Gred A yang paling sukar diperolehi, kadang-kadang kita hanya dapat 10 papan sehari sahaja daripada pembekal," katanya ketika ditemui di sebuah pasar awam, di sini semalam.

Menurut Lye Kim, dia sudah

terlibat dalam perniagaan telur ayam sejak 20 tahun lalu dan tahun ini merupakan kali pertama dia sukar mendapatkan bekalan penuh yang ditempahnya.

"Dulu, saya boleh dapat sehari 100 papan telur, sekarang memang sukar untuk dapatkan bekalan sebegitu lagi daripada pembekal."

"Pembekal beritahu mereka juga sukar penuhi permintaan pengguna kerana bekalan telur kurang, namun, permintaan pelanggan meningkat," katanya.

TARIKH

20.10.2022

MEDIA

UTUSAN MALAYSIA

RUANGAN

DALAM NEGERI

MUKA SURAT

31

Jangan jadikan Kampung Tanjung Sepat 'tong sampah'

Oleh **KAMARIAH KHALIDI**
utusannews@mediamulia.com.my

SEPAH: Lebih 3,000 penduduk Kampung Tanjung Sepat di sini merayu pihak berwajib campur tangan dan membatalkan projek pembinaan ladang ternakan ayam yang dikhuatiri menyumbang kepada masalah kesihatan. - UTUSAN/ KAMARIAH KHALIDI

Bekas Ketua Kampung Tanjung Sepat, Farouk Amron, 74, berkata, ketika ini penduduk kampung itu serta kampung sekitar sudah cukup tertekan dengan masalah pencemaran bau dan alam sekitar ekoran ladang ternakan babi yang terletak di bawah Mukim Batu.

Menurutnya, jika ditambah dengan projek pembinaan ladang baharu itu, kehidupan penduduk akan menjadi semakin tertekan.

"Kesan terhadap penduduk akan jadi amat besar terutama sekali masalah penyakit seperti selesema burung selain pembuangan lalat."

"Kami mahu menghirup udara yang nyaman dan hidup dalam keadaan selesa, bukan bau busuk reban ayam," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Terdahulu, 30 penduduk kampung berhimpun di hadapan tapak projek pembinaan

PENDUDUK Kampung Tanjung Sepat, Sepah mengadakan demonstrasi membantah projek pembinaan ladang ternakan ayam yang dikhuatiri menyumbang kepada masalah kesihatan. - UTUSAN/ KAMARIAH KHALIDI



ladang ternakan ayam itu sambil membawa sepanduk bagi menyatakan bantahan.

Penduduk kampung berkenaan tidak bersetuju dengan projek pembinaan ladang ternakan itu berikutan jaraknya terlalu hampir dengan rumah penduduk, Sekolah Kebangsaan (SK) Tanjung Sepat, Sekolah Rendah Agama Tanjung Sepat, Klinik Kesihatan Tanjung Sepat serta sebuah tahfiz.

Farouk turut meminta kerjasama daripada Jawatankuasa

Tindakan Daerah (JKTD) untuk mengambil tindakan dan menyelesaikan isu berkenaan.

"Saya difahamkan penternakan ayam ini sama seperti di Kampung Kundang dan mereka nak buat satu lagi malah lebih besar di Tanjung Sepat."

"Mereka mahu jadikan Tanjung Sepat ini seolah-olah tong sampah sedangkan murid dari empat kampung sekitar semuanya bersekolah di sini termasuk sekolah agama."

"Jadi, kami rayu agar JKTD

dapat ambil tindakan sebaik mungkin kerana kawasan ini dikatakan masih tanah pertanian dan kami tengok papan tanda pun tiada, buatlah tindakan segera dan batalkan projek ini," katanya.

Tambahnya, hampir kesemua kampung yang berada berhampiran Tanjung Sepat mempunyai ladang ternakan babi seperti di Kampung Tanjung Layang, Kampung Gading, Kampung Batu Untung dan Kampung Tumbuk.

Buy only what you need, consumers urged

By SARBAN SINGH
sarbans@thestar.com.my

SEREMBAN: Consumers have been told not to buy more chicken eggs than they need during a shortage in some areas in the state.

State Domestic Trade and Consumer Affairs Department director Muhammad Zahir Mazlan said checks conducted since early this month showed that there was a shortage at the retail level in several areas, especially Nilai.

"This is due to higher demand from consumers with the coming festive season.

"We would like to advise consumers not to panic buy or to buy in large quantities as this will only cause a disruption to the local supply chain," he said, adding that consumers should stick to buying the usual number of eggs they needed.

Muhammad Zahir said as of Oct 18, there were over 308,000 eggs of various grades in the market.

He said the reduction in supply in

Not again: A shortage of eggs was also reported yesterday (right) due to weather and higher chicken feed prices.

some areas had not led to an increase in prices.

The retail price for a Grade A egg is 45 sen, Grade B (43 sen) and Grade C (41 sen). The grades are according to weight, with Grade A being the biggest.

Despite the shortage of supply at some retailers, the department had only received one complaint through its online system.

"We got to know that there was short supply at a business premises in Nilai.

"An inspection was quickly carried out in the vicinity and we found that only that particular outlet had a shortage, which was attributed to higher than usual demand," he said.

Muhammad Zahir said checks at two egg farms in the state also showed production level to be normal.

Cracking the ground
Floods, political discord, soaring prices and even the perceived misdeeds of a former attorney general, these are among the hot-button local and national issues which are set to headline the election campaign. Traders, though, are expecting good profits. > See reports on pages 4 & 5



To ensure a sufficient supply, the department would continue to monitor the situation at selected dedicated district retailers in the state. There are 151 such outlets in the state.

He said besides normal outlets, consumers could also buy eggs at "Jualan Murah Keluarga Malaysia"

held every weekend in every state constituency, where the prices of eggs and other foodstuff were competitive.

Consumers can forward their complaints by contacting the department at 1 800 886 800, enforcement command centre at 03-8882 6088/6245, WhatsApp at 019-279 4317 or email e-aduan@kpdnhep.gov.my.

Tracking the real cause of the chicken and eggs problem

PETALING JAYA: Authorities are scrambling to get to the bottom of the latest chicken and egg shortages, says the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry.

Ministry secretary-general Datuk Azman Mohd Yusof acknowledged the issue and was investigating where the problems were in the supply chain.

"If the root (cause) came from retail, the ministry will investigate from retail to the upstream level to identify the causes.

"If it originated at farms, it would be under the supervision of Agriculture and Food Industries Ministry (Mafi)," he told *The Star* yesterday.

Azman revealed that Mafi had also received similar complaints.

"Based on Mafi's data, in September, there was enough supply. But lately, they too had received complaints on chicken and egg shortages.

"I have been told a series of meetings between Mafi officials and suppliers (at farms) are still under way to resolve such issues," he added.

An official from Mafi, when contacted, said the ministry was waiting for a report from the Veterinary Services Department on the issue of egg shortage.

"We will release the findings of the report as soon as we receive it," the official said.

Yesterday, *The Star* reported that poultry farmers said the current shortage of price-controlled eggs in the market would worsen ahead of the year-end festive season.

Industry players said the situation is unlikely to ease even next year because of several factors.

These include the rising cost of chicken feed due to weakening ringgit against the US dollar and weather factors.

When asked, Azman said the ministry was also monitoring possible shortages of other essentials such as sugar.

He said several initiatives would be put in place to address a sugar shortage.

It includes limiting exports to prioritise local demand.